

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (88)

Tarikh: 11 November 2013

KENYATAAN MEDIA

MBPJ TAMBAH CCTV DI STESEN LRT TAMAN MAYANG

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil tindakan segera meningkatkan tahap keselamatan dengan menambah bilangan kamera litar tertutup (CCTV) di laluan pejalan kaki dan lorong ke Stesen LRT Kelana Jaya berhampiran Taman Mayang.

Pemasangan CCTV berkenaan dilaksanakan berikutan kejadian ragut yang membawa maut seorang pelajar bernama Dickson Wong yang berlaku pada bulan September yang lalu.

Dengan penambahan bilangan CCTV ini pemantauan selama 24 jam sehari dapat dilakukan dan ia juga dapat memberikan kesan psikologi positif kepada penduduk setempat terhadap keselamatan kerana adanya pemantuan yang berterusan.

Pemasangan CCTV ini juga merupakan salah satu inisiatif MBPJ di bawah Program Bandar Selamat yang bertujuan mengurangkan kadar jenayah memandangkan kawasan ini sering menjadi lokasi berlakunya kejadian kes ragut.

Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan anggota penguatkuasa MBPJ telah dan akan melaksanakan rondaan menerusi program rondaan keselamatan di kawasan tersebut dengan dibantu anggota Rukun Tetangga kawasan itu.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))